

**PEPERIKSAAN  
PERKHIDMATAN SUBJEK  
JABATAN 2006**

**KOD KERTAS : 2006**

**G8FI  
(GRED G17)**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1 (B) : Jawab semua soalan.

Seksyen 2 : Jawab empat (4) daripada enam (6) soalan.

**SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)**

**Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat. Tulis jawapan dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan anda.**

- 
1. Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah diadakan
    - A Tidak lewat dari hari terakhir bulan Julai tahun itu
    - B Tidak lewat dari hari terakhir bulan Ogos tahun itu
    - C Tidak lewat dari hari terakhir bulan Oktober tahun itu
    - D Tidak lewat dari hari terakhir bulan September tahun itu
  
  2. Pemilihan bagi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang dibuat sekali dalam setiap
    - A Satu tahun
    - B Dua tahun
    - C Tiga tahun
    - D Empat tahun
  
  3. Mesyuarat Jemaah Pengarah pertama hendaklah diadakan
    - A 30 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan
    - B 60 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan
    - C 30 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan
    - D 120 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan

4. Korum bagi Mesyuarat Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan adalah
- A 3
  - B 5
  - C 7
  - D 9
5. Korum bagi Mesyuarat Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri adalah
- A 3
  - B 5
  - C 7
  - D 9
6. Perakaunan dan rekod-rekod Pertubuhan Peladang hendaklah disimpan selama tempoh
- A 3 tahun
  - B 5 tahun
  - C 7 tahun
  - D 9 tahun
7. Sesebuah Pertubuhan Peladang Kawasan yang ingin melabur atau menandatangani kumpulan wangnya hendaklah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Wakil Pendaftar jika jumlah wang atau nilai yang terlibat melebihi
- A RM30,000
  - B RM50,000
  - C RM70,000
  - D RM100,000

8. Salinan Laporan juruaudit dan akaun yang diaudit hendaklah dihantar kepada Wakil Pendaftar tidak lewat dari
- A 2 bulan selepas tutup tahun kewangan
  - B 4 bulan selepas tutup tahun kewangan
  - C 6 bulan selepas tutup tahun kewangan
  - D 8 bulan selepas tutup tahun kewangan
9. Tiap-tiap Unit Ahli hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya
- A 10 orang ahli
  - B 20 orang ahli
  - C 30 orang ahli
  - D 40 orang ahli
10. Permohonan untuk menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) diluluskan oleh
- A Ketua Unit
  - B Pengurus Besar PPK
  - C Jemaah Pengarah PPK
  - D Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah

**SEKSYEN 1(B) : Soalan Pendek (20 markah)**

**Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.**

**Soalan 1**

Senaraikan EMPAT (4) tugas dan tanggung jawab Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan.

**(4 markah)**

**Soalan 2**

a) Siapakah yang patut memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa Pertubuhan Peladang Kawasan?

**(2 markah)**

b) Berapakah korum Mesyuarat Agung Luar Biasa Pertubuhan Peladang Kawasan?

**(2 markah)**

**Soalan 3**

Senaraikan EMPAT (4) sebab yang boleh melucutkan jawatan seseorang Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan.

**(4 markah)**

**Soalan 4**

Senaraikan EMPAT (4) tugas utama Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan.

**(4 markah)**

**Soalan 5**

Nyatakan DUA (2) tugas utama Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan.

**(4 markah)**

**SEKSYEN 2 : Soalan Pendek (60 markah)**  
**Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut.**

**Soalan 1**

Nyatakan **LIMA (5)** syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang diterima masuk menjadi ahli sesebuah Pertubuhan Peladang Kawasan.

**(15 markah)**

**Soalan 2**

Senaraikan **TIGA (3)** kuasa dan hak yang diperolehi oleh seseorang yang telah diterima masuk menjadi ahli sesebuah Pertubuhan Peladang Kawasan.

**(15 markah)**

**Soalan 3**

(a) Siapakah yang patut memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Unit Ahli?

**(3 markah)**

(b) Terangkan proses pemilihan Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan, bermula dari Mesyuarat Agung Tahunan di peringkat Unit Ahli.

**(12 markah)**

**Soalan 4**

Selain daripada memilih Ahli Jemaah Pengarah, senaraikan **LIMA(5)** tugas lain Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan?

**(15 markah)**

**Soalan 5**

Anda telah ditugaskan oleh Pengurus Besar untuk memangku tugas Penyelenggara Stor selama satu minggu semasa Penyelenggara Stor tersebut bercuti. Terangkan jenis-jenis dokumen yang ada gunakan semasa

- (a) Menerima satu tan baja Urea daripada pembekal

**(5 markah)**

- (b) Mengeluarkan 5 botol racun rumput kepada seorang peserta Pembangunan Usahawan Peladang (PUP).

**(10 markah)**

**Soalan 6**

Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan Azam telah dijadualkan pada 25 Julai 2005. Walau bagaimanapun, pada pagi tersebut tidak ramai perwakilan yang hadir dan akhirnya didapati korum tidak mencukupi bagi meneruskan mesyuarat. Terangkan apakah yang sepatutnya dilakukan oleh pihak pengurusan Pertubuhan Peladang Kawasan tersebut?

**(15 markah)**